

MFA sasar RM35b sumbangan industri francais kepada KDNK

→ Sasaran dijangka dicapai menerusi peningkatan pelbagai produk eksport

Oleh Sofyan Rizal Ishak
bhbiz@bh.com.my

Persatuan Francois Malaysia (MFA) menyasarkan sumbangan industri francais kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak RM35 bilion menjelang tahun hadapan berbanding RM32 bilion yang dicatatkan tahun lalu.

Pengerusinya, Datuk Radzali Hassan, berkata sasaran KDNK itu dijangka berjaya dicapai menerusi peningkatan pelbagai produk eksport ke pasaran luar negara.

"Kita mempunyai kira-kira 66 produk yang telah dibawa keluar negara setakat hari ini. Kalau melihat kepada jumlah anggota MFA itu sendiri tidaklah begitu ramai tetapi dari segi pencapaian perkembangan per-

niagaan mereka, adalah sangat memberangsangkan di mana kita mempunyai kira-kira 4,200 kedai di luar negara," katanya.

Menurutnya, pihaknya juga yakin industri francais tempatan masih mampu mencatatkan prestasi baik pada tahun ini meskipun dalam situasi ekonomi global tidak menentu pada ketika ini.

"Penilaian ini dibuat berdasarkan kepada peningkatan bagi transaksi jualan yang dicatatkan MFA melalui pengajuran Pameran dan Persidangan Francois Antarabangsa Malaysia 2019 (FIM2019) dan pertambahan bilangan ahli MFA.

"Saya gembira kerana industri francais negara masih mencatatkan corak pertumbuhan yang baik dan saya menyerau ahli MFA serta syarikat perniagaan yang berminat untuk mengambil peluang bagi menjalankan perniagaan dalam bidang ini," kata dia pada sidang media Anugerah Francois Malaysia (AFM) di Kuala Lumpur, semalam.

Catat peningkatan transaksi jualan

Beliau berkata, pengajuran FIM 2019 lalu menyaksikan MFA berjaya mencatatkan peningkatan transaksi jualan kepada RM452 juta berbanding RM410 juta pada tahun sebelumnya.

Menurutnya, bilangan ahli MFA juga mencatatkan pertam-



Saya gembira kerana industri francais negara masih mencatatkan corak pertumbuhan yang baik dan saya menyerau ahli MFA serta syarikat perniagaan yang berminat untuk mengambil peluang bagi menjalankan perniagaan dalam bidang ini"

Radzali Hassan,
Pengerusi MFA

bahan kepada hampir 400 ahli berbanding 370 ahli sebelum ini. Sementara itu, MFA menyasarkan 60 ahlinya akan menyertai AFM kali ke-22 pada 4 Oktober ini bertempat di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur.

Radzali berkata, terdapat enam kategori utama akan dipertandingkan pada anugerah membabitkan 17 kategori seperti Kategori Utama - Francois Terbaik, Kategori Sistem Francois, Kategori Francisor Antara bangsa, Kategori Francaisi dan Kategori Terbuka.

Kategori anugerah baharu

"Pihak jawatankuasa memperkenalkan beberapa kategori anugerah baharu iaitu kategori terbuka yang membabitkan Anugerah Rancangan Perniagaan Francois Siswa Terbaik dan kategori media yang terbahagi kepada dua iaitu Anugerah Wartawan Terbaik dan Anugerah Penulisan Artikel Industri Francois Terbaik," katanya.

AFM kali ke-22 ini terbuka kepada semua ahli MFA dengan tarikh tutup pencalonan pada 19 Julai 2019.

Anugerah itu mulai diadakan pada 1997 bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada usahawan francais yang menunjukkan prestasi cemerlang dan memberi sumbangan kepada pertumbuhan industri francais negara.